

Perkembangan Ortografi Bahasa Melayu Sebelum Merdeka

SEBORANG pegawai Inggeris yang juga Pengetua Sultan Idris Teachers College (SITC), iaitu Oman Theodore Dussek (O.T Dussek) pernah berkata, “Bahasa kamu, saya percaya, diucapkan oleh lebih daripada 70 juta manusia. Bahasa ini merupakan satu daripada rumpun bahasa terbesar di dunia ini. Jangan lupakan hakikat itu. Pelihara bahasa kamu itu, berusahalah meninggikannya ke tahap yang setara dalam kalangan bahasa dunia. Apabila taraf bahasa kamu tinggi, akan tinggi pulalah bahasa kamu.”

Berlandaskan kata itu, kegemilangan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* pada zaman Kesultanan Melayu Melaka masih relevan diguna pakai pada zaman ini. Sememangnya, fungsi bahasa Melayu ketika itu sebagai bahasa perantaraan digunakan oleh para pedagang dari Arab, India, China dan negara serantau membuktikan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan.

Perkembangan bahasa Melayu tidak ternoktah di situ, sebaliknya berkembang pesat bagai “belut diketil ekor” apabila bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu di Tanah Melayu, malah di seantero negara. Buktinya, muncul hasil tulisan dan karya sastera bahasa Melayu oleh pengarang tersohor seperti Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad (1808-1873), Abdullah bin Abdul Kader Munsyi [Munsyi Abdullah (1796-1854)] dan Zainal Abidin bin Ahmad atau Za’ba (1895-1973).

Pelbagai tulisan berbentuk sastera dan ilmiah dihidangkan pada zaman itu yang hingga kini masih menjadi bahan penyelidikan dan sumber rujukan oleh penyelidik dalam bidang bahasa Melayu dan sastera di universiti tempatan seperti karya *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Abdullah*, *Syair Singapura Terbakar*, *Ilmu Mengarang Melayu* dan *Pelita Bahasa Melayu*. Kehebatan tokoh pengarang ini juga menjadi pendorong kepada penulis lain yang muncul pada zaman penjajahan dan selepas merdeka, seperti Profesor Emeritus Dr. Asmah Haji Omar, Profesor Emeritus Dato’ Dr. Nik Safiah Karim dan Dato’ Dr. Hassan Ahmad.

Dalam perbincangan berkaitan dengan kesungguhan tokoh bahasa Melayu, Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Melayu (PBMPB atau PAKATAN) telah diasaskan oleh Dato’ Seri Diraja Abdul Rahman Andak dan Dato’ Muhammad Ibrahim Munsyi pada tahun 1888. Pakatan ini kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan Buku-buku Diraja selepas tahun 1934. Peranan utama pakatan ini adalah untuk memelihara dan memodenkan bahasa Melayu serta mengendalikan perbincangan dan ceramah tentang permasalahan bahasa Melayu dari aspek ortografi. Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Ortografi merupakan sistem ejaan standard.

Perkembangan sistem ejaan di negara kita mengalami perubahan dari semasa ke semasa hinggalah kini. Makalah ini ditulis untuk meninjau aspek ortografi bahasa Melayu yang mengalami revolusi sebelum merdeka.

Perkembangan Ortografi Sebelum Merdeka
Sistem ortografi di Tanah Melayu pada abad ke-16 bermula dengan penggunaan tulisan Rumi yang digunakan oleh pedagang dan perantau yang datang dari negara Eropah seperti Portugis, Sepanyol dan Itali ke kepulauan Nusantara. Kata-kata bahasa Melayu yang didengari secara lisan di kawasan pelabuhan diterjemahkan mengikut kesan bunyi dan hukum ejaan dalam bahasa penjajah.

Dalam sistem penulisan, ejaan Rumi pertama dihasilkan oleh Antonio Pigafetta (warga Itali) pada abad ke-15. Berpandukan sistem ejaan tersebut, pengembara lain dari negara British dan Belanda menggunakan huruf Rumi dalam penulisan bahasa Melayu termasuklah perkataan dan ayat mengikut kelaziman hukum tatabahasa mereka. Sejarah mencatatkan bahawa mulai abad ke-16 hingga abad ke-19, warga Inggeris telah mewujudkan sistem ejaan Rumi di negara Malaysia. Yang berikut merupakan susunan ejaan Rumi yang berlandaskan kaedah transliterasi ejaan Jawi kepada ejaan Rumi pada ketika itu, antaranya:

Jadual 1 Sistem ejaan Rumi.

Bil.	Sistem Ejaan	Tahun
1.	Ejaan Rumi Bowrey	1701
2.	Ejaan Rumi J. Howison	1800
3.	Ejaan Rumi William Marsden	1812
4.	Ejaan Rumi Negeri-negeri Selat	1878
5.	Ejaan Rumi Swettenham	1881
6.	Ejaan Rumi Maxwell	1882

Sumber: Klik Web DBP.

Penyelarasan sistem ejaan Rumi di Indonesia dilakukan bertujuan untuk menyeragamkan susunan ejaan Melayu dengan menggunakan bahasa Latin oleh CH, Van Ophuysen (1904). Pada tahun 1901, kitab *Loghat Melajoe'* telah diterbitkan apabila Ophuysen berjaya menyusun sistem ejaan dengan bantuan Engku Nawawi (Sultan Ma'moer) dan Mohammad Taib Sultan Ibrahim. Kitab ini juga dikenali sebagai Sistem Ejaan Ophuysen atau Ejaan Balai Pustaka. Sistem ejaan berpandukan Ophuysen ini diperbaiki dari semasa ke semasa hinggalah menjadi mantap pada tahun 1926. Yang berikut pula beberapa tulisan Rumi oleh Ophuysen yang dapat dilihat:

Jadual 2 Sistem Ejaan Ophuysen.

Bil.	Sistem Ejaan Ophuysen	Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu
1.	kamoe	kamu
2.	soember	sumber
3.	laoet	laut
4.	soekoe	suku
5.	djoega	juga
6.	hoedjan	hujan
7.	djandji	janji
8.	katjang	kacang
9.	sjarat	syarat
10.	njonja	nyonya
11.	tarich	tarikh
12.	chabar	khobar
13.	dinamii	dinamai
14.	mengatasii	mengatasi
15.	adapoen	adapun

Sumber: Mohd. Daim Daipi, 1991.


Perkembangan sistem ortografi bahasa Melayu berkembang lagi apabila terbitnya sistem *Ejaan Wilkinson* (1904) yang disusun oleh R.J Wilkinson (pegawai pemerintah Inggeris) telah digunakan secara formal di semua sekolah di Tanah Melayu. Sistem ejaan ini juga dikenali sebagai *Romanised Malay Spelling* atau kamus berjudul *Malay-English Dictionary* dengan ketebalan sebanyak 1300 muka surat. Penghasilan sistem ejaan oleh R. J. Wilkinson ini dipengaruhi oleh kaedah tulisan Rumi Shellabear, kaedah Baba Peranakan dan kaedah tulisan Rumi Melayu-Belanda. Perkembangan sistem ortografi berlaku selepas ejaan Wilkinson apabila sistem ejaan Rumi Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad) diperkenalkan mulai tahun 1924. Hasil tulisan Za'ba diperbaiki dan menjadi mantap sehingga terhasilnya buku beliau seperti:

Jadual 3 Buku karangan Za'ba.

Bil.	Buku Za'ba	Tahun
1.	<i>Ilmu Bahasa Melayu Penggal 1</i>	1926
2.	<i>Pelita Bahasa Melayu Penggal 1</i>	1941
3.	<i>Daftar Ejaan Jawi-Rumi dengan judul Petua-petua Ejaan Rumi.</i>	1949

Sumber: Klik Web DBP.

Penulisan sistem ejaan Za'ba ini menjadi panduan utama dalam proses pengajaran bahasa Melayu di Tanah Melayu dan Brunei. Sistem ejaan ini juga terpakai hingga tahun 1972, setelah sistem ejaan Rumi baharu dilaksanakan. Pelbagai perubahan telah dilakukan dalam sistem ejaan Rumi bahasa Melayu oleh Za'ba. Beberapa contoh di bawah dapat ditunjukkan perubahan yang dilakukan oleh Pendeta Za'ba seperti jadual 4 di sebelah:



Za'ba perintis perubahan sistem ejaan Rumi bahasa Melayu.

Jadual 4 Sistem ejaan Za'ba.

Bil.	Sistem Ejaan Za'ba	Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu Kini
1.	Penggunaan vokal "i"	
	balek	balik
	aleh	alih
	chantek	cantik
	leteh	letih
	usek	usik
2.	Penggunaan vokal "o"	
	batok	batuk
	suruh	suruh
	suntok	suntutuk
	gunong	gunung
	kubor	kubur

Sumber: Mohd. Daim Daipi, 1991.

Selepas sistem ejaan Za'ba, muncul pelbagai lagi sistem ejaan rumi seperti berikut:

Jadual 5 Ringkasan sejarah sistem ejaan selepas Za'ba.

Bil.	Sistem Ejaan	Tahun	Sejarah
1.	Ejaan Fajar Asia	1945-1954	Sistem yang diperkenalkan oleh pemerintah tentera Jepun melalui majalah <i>Fajar Asia</i> yang mengekalkan penggunaan konsonan Wilkinson/Za'ba dan menggunakan vokal Ophuyzen.
2.	Ejaan Soewandi	1947	Dikenali sebagai ejaan Republik Indonesia yang berkuat kuasa di bawah pemerintahan Menteri Pengajaran, Pendidikan dan Kebudayaan, iaitu Soewandi.
3.	Ejaan Kongres	1956	Sistem Ejaan Kongres telah mencapai persepakatan selepas pembentangan dua kertas kerja oleh ASAS 50 dan PBMUM dalam Kongres Persuratan dan Bahasa Melayu Malaya III di Singapura (16 - 21 September, 1956).

4.	Ejaan ASAS 50	1952	Dipelopori oleh penulis ASAS 50 dan penulis muda angkatan 1950-an. Sistem ejaan yang dimurnikan berpandukan <i>Ejaan Fajar Asia</i> .
5.	Ejaan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM)	1956	Mengusulkan sistem ejaan haruslah berdasarkan beberapa perkara, iaitu: a. Ejaan Rumi Tanah Melayu dan Indonesia disatukan. b. Ejaan Rumi bahasa asing dieja mengikut sebutan dalam bahasa Melayu. c. Ejaan dipermudah dan tidak disukarkan. d. Ejaan berpandukan satu kaedah
6.	Ejaan Melindo	1957	Gagasan ejaan Melindo (Melayu-Indonesia) menetapkan sistem ejaan baharu, iaitu penggunaan lambang fonetik yang tidak relevan. Sistem ejaan Melindo terjejas apabila Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura terbentuk pada 16 September 1963 sehingga menyebabkan Indonesia melakukan konfrontasi terhadap Malaysia dan menggagalkan Perjanjian Indonesia-Persekutuan Tanah Melayu.

Sumber: Muhammad Ariff Ahmad, 1987.

Oleh itu, perkembangan ortografi di negara ini sememangnya unik memandangkan pelbagai pihak memainkan peranan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu bermula zaman penjajahan hinggalah kini. Usaha pemantapan ortografi bahasa Melayu tidak sewajarnya dipandang enteng kerana kualiti dan standard sesuatu bahasa bergantung pada hukum tatabahasa yang disusun mengikut konteks negara kita.

Pengabaian aspek ortografi dan kerancuan bahasa yang timbul dalam kalangan generasi muda sewajarnya dipandang serius oleh pejuang bahasa seperti persatuan penulis bahasa Melayu dan pihak universiti agar penggunaan bahasa yang betul tetap dibiasakan oleh masyarakat Malaysia khususnya golongan muda. **PB**